

**TITAH UCAPAN RAJA MUDA PERLIS  
MERANGKAP TUANKU CANSELOR UniMAP  
DYTM TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL  
DI MAJLIS PERASMIAN KEJOHANAN TENIS JEMPUTAN  
UNIVERSITI ASEAN 2011**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.

Alhamdulillah, setinggi pujian dan syukur ke hadhrat Allah SWT kerana memberikan keizinan untuk kita berhimpun pada Temasya Kejohanan Tenis Jemputan Universiti ASEAN pada malam ini.

Sesungguhnya, beta merasa amat bertuah kerana berpeluang menghadirkan diri pada majlis ini, apatah lagi bila mengenangkan sukan Tenis ini merupakan sukan kegemaran Almarhum nenda Beta semenjak sekian lamanya.

Jika tidak, masakan Perlis – negeri yang terletak di hujung Utara Semenanjung Malaysia ini, begitu setia menganjurkan Kejohanan Tenis Remaja Asean yang telah melangkaui usia 30 tahun.

Dan Alhamdulillah kini, dengan adanya Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang telah dilantik oleh Kementerian Pengajian Tinggi sebagai Pusat Sukan Tumpuan bagi sukan Tenis, pastinya acara sukan ini akan terus bersemarak dan

besarlah harapan Beta agar suatu hari nanti, akan lahir seorang bintang ternama dari Perlis yang bakal mengharumkan nama UniMAP dan Perlis di persada dunia. Insya Allah.

Ladies and gentlemen

First of all I would like to express my appreciation to the Ministry of Higher Education (KPT) and Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) for jointly mobilizing their efforts and energy to organize this tournament for the first time.

Indeed, the organization of this tournament is the first step towards raising the standard of tennis to a higher level, and at the same time is the best medium to foster relationships between the universities in Malaysia and universities in other ASEAN countries.

Not forget to mention, organizing a tennis tournament is also the best vehicle in discovering new talents who are creative, skilled, thinking and of high calibre.

Ultimately, I also hope that this tournament is capable of producing sports stars who will bring honor to our beloved Malaysia one day.

I would also like to take this opportunity to welcome all the participants, especially the participants from ASEAN countries such as Thailand, Indonesia, Philippines and Singapore.

Organizing such a significant event surely will also help to promote Perlis as a popular sports tourism destination in Malaysia. Insya Allah.

The existing 30 tennis courts in Perlis and together with the additional six new courts upon the completion of the UniMAP Sports Complex in Ulu Pauh, I am optimistic that, the wish to make Perlis state a Sports Tourism will materialize.

Hadirin sekalian,

Apakah sebenarnya kelebihan yang ada pada ahli sukan dan dalam konteks kita pada malam ini pemain tenis? Berdasarkan pemerhatian Beta, seorang pemain tenis harus memiliki mental yang kuat. Pemain yang berjaya mengawal mental dan mempunyai daya tahan minda yang tinggi pasti akan berjaya di arena sukan ini.

Kekuatan mental merupakan aspek paling penting kepada seseorang atlet dalam menghadapi segala kejohanan. Dengan adanya mental yang kuat dan sentiasa positif membolehkan seseorang ahli sukan itu untuk melalui kejohanan dengan penuh keyakinan.

Pembentukan mental yang kuat lagi positif bergantung kepada mindset seseorang. Jika seseorang atlet itu merasakan dirinya mampu mengatasi lawan, maka tidak ada apa yang mampu menghalangnya. Begitu juga sebaliknya jika

seseorang atlet mengatakan mereka tidak mampu mengatasi lawan, maka keputusan negatif sebaliknya yang berlaku.

Siapa yang boleh lupa bagaimana mantan pemain tenis nombor satu dunia, Roger Federer satu ketika dahulu begitu gagah dan sukar untuk ditewaskan oleh lawan khususnya pesaing utamanya, Rafael Nadal.

Tetapi sejak kebelakangan ini, badi kekalahan Federer kepada Nadal semakin menjadi-jadi. Kekalahan demi kekalahan yang dialami Federer di tangan Nadal menjadikan pemain kidal dari Sepanyol, bogeyman itu harus dielakkan.

Ladies and gentlemen,

I believe that it is not unreasonable for me to say that having inferiority complex is still prevalent in some national athletes. Often, when competing with athletes from Western countries, they seem to be drowning in a sea of nervousness and insecurity.

But the strange thing is that why some small countries in Africa such as Kenya, Ethiopia and Qatar can produce sportsmen and athletes who can shine in the Olympic Games? And even more impressive is that they can successfully produce world class athletes without the existence of modern infrastructure, facilities and advanced technology.

Why it is that Malaysia, a country that has a high sports culture, that is equipped with world class infrastructure and that has the ability to hire top notch coaches, is still unable to produce athletes with mental strength?

Is it because of the quality of training, of infrastructure built or of the coaches is not of the required standard or the problem is pivoted at the negative attitudes that often belittle our own ability?

Search your soul and ask yourself, till when do we want to continue to see the success of these small countries in the sports arena? Honestly, I harbour high hopes and wishes to see more budding athletes who have high quality of play born in Perlis.

Hadirin sekalian,

Kali terakhir Malaysia meraih pencapaian tertinggi dalam Kejohanan Sukan Tennis ialah pada tahun 1990-an di Kejohanan Davis Cup dan Federation Cup Peringkat Asia (Oceania) iaitu dalam kelompok Group 2, dan selepas dari itu, kejayaan kita diperingkat Davis Cup dan Federation Cup hanyalah pada Group 3.

Pemain tennis negara juga pernah menyumbangkan pingat gangsa, pada Kejohanan Sukan Asia di Hiroshima Jepun dan kejayaan itu terhenti di situ.

Justeru, saya amat mengharapkan Kementerian Pengajian Tinggi dan UniMAP akan meneruskan kesinambungan menjadikan penganjuran kejohanan ini sebagai kejohanan tahunan.

Kita perlu ada program pembangunan sukan yang berterusan dan pada masa sama menyediakan lebih banyak pendedahan kepada atlit-atlit pelapis untuk menyertai pelbagai kejohanan di Peringkat tempatan dan Antarabangsa.

Berlatih tanpa kejohanan ibarat irama tanpa lagu. Seperti kata Allahyarham P. Ramlee; *"Andai dipisah lagu dan irama, lemah tiada berjiwa hampa"*.

Akhir kata, Beta amat mengharapkan UniMAP di bawah kepimpinan Datuk Kamarudin Hussin untuk tempoh dua tahun lagi akan terus memainkan peranan aktif sebagai Pusat Sukan Prestasi Tinggi bagi Sukan Tennis. Manfaatkan segala kemudahan yang kita ada di negeri Perlis ini, dan anjurkanlah sebanyak mungkin kejohanan untuk memartabatkan nama Malaysia dan Perlis di persada antarabangsa.

**Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, Beta dengan ini merasmikan Kejohanan Tennis Jemputan Universiti Asean 2011.**

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.